

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RAK 341 - Sejarah Seni Bina

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. TIGA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Orang Yunani (Greek) boleh dikatakan sederhana dan berpatutan dengan konsep penghidupan yang selesa, sementara orang Roman berpraktikal, teratur dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

Perbezaan asas tentang pendapat agama penghidupan di antara orang Yunani dan orang Roman dapat digambarkan di dalam pengaturannya dan rekaannya bangunan.

Bincangkan.

( 100 markah )

2. Kematian Tuhan-Tuhan dan zaman kepercayaan adalah permulaan seni bina Romanesque yang berkaitan dengan ruang-ruang dan matriks. Ini telah diikuti dengan undang-undang dan ukuran-ukuran bentuk-bentuk awal zaman peralihan (Renaissance), yang selanjutnya telah ditafsirkan sebagai pergerakan tembus-menembus bangunan-bangunan Baroque dan Rococco.

Bincangkan.

( 100 markah )

3. Beza dan bandingkan dengan lakaran-lakaran, kecepatan dan kelapangan ruang bangunan orang Byzantine dengan bandingan dimensi dan keadaan terus menerus 'spatial' bangunan Gothic.

( 100 markah )

4. Dengan bantuan lakaran, bincangkan:-

- a) "LANTERN"
- b) "PENDENTIVE"
- c) "VAULTS"
- d) "PYLON"
- e) "FLYING BUTTRESS"

( 100 markah )

5. Dengan bantuan lakaran, bincangkan:-

- a) "THE ORDER"
- b) PYRAMID atau KUIL orang Mesir
- c) "BASILICA"

( 100 markah )

#### BAHAGIAN B

6. Pilih 2 (dua) jenis rekabentuk utama Rumah Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

Huraikan sifat-sifat dan elemen-elemen rekaan bagi kedua-dua jenis rekabentuk tersebut.

( 100 markah )

7. "Seni Bina Islam merangkumi seni bina pelbagai bangsa dan kebudayaan. Hasil seni binanya juga berbagai-bagai rupa tetapi berasaskan satu konsep".

Bincangkan kenyataan di atas.

( 100 markah )

8. Tulis dengan ringkas 3 (tiga) daripada tajuk-tajuk berikut:-

- a) Serambi, Ibu Rumah dan Kelek Anak (Rumah Tradisional Melayu)
- b) Teori Seni Bina Hindu (Seni Bina India)
- c) Pagoda dan Pai-Lau (Seni Bina Cina)
- d) Rekabentuk Masjid (Seni Bina Islam)

( 100 markah )